



Semarak International Journal of STEM Education

Journal homepage:
<https://semarakilmu.my/index.php/sijste/index>
ISSN: 3030-5152



Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Kursus Matematik (SBM 10012) di Kolej Komuniti Bentong

Factors that Affect Student Achievement in Mathematics Course (SBM 10012) at Bentong Community College

Zayanah Supyan^{1,*}, Nur Syaza Borhan², Norliana Ali³

¹ Kolej Komuniti Bentong, Pahang, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 13 November 2025

Received in revised form 24 November 2025

Accepted 1 December 2025

Available online 11 December 2025

ABSTRACT

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus Matematik (SBM 10012) dan meneliti hubungan antara minat pelajar, sikap pelajar dan faktor pensyarah dengan pencapaian pelajar dalam kursus tersebut di Kolej Komuniti Bentong. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik berskala Likert (1-5) sebagai instrumen pengumpulan data. Populasi kajian ini adalah seramai 58 orang pelajar daripada program pengajian Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan dan Sijil Teknologi Elektrik yang telah mengambil kursus Matematik (SBM 10012) pada sesi 1 2023/2024 dan sampel yang diambil adalah seramai 52 orang pelajar. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 27 melalui analisis statistik deskriptif dan korelasi Pearson bagi menjawab objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar mempunyai minat ($\text{min} = 3.51$) dan sikap ($\text{min} = 3.81$) yang sederhana tinggi terhadap kursus Matematik, manakala faktor pensyarah adalah sangat tinggi ($\text{min} = 4.31$). Analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana dan signifikan antara minat ($r = -0.322$, $p < 0.05$) serta sikap pelajar ($r = -0.392$, $p < 0.01$) dengan pencapaian kursus Matematik. Walau bagaimanapun, faktor pensyarah tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar ($r = -0.079$, $p > 0.05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor minat dan faktor sikap memainkan peranan yang penting dalam pencapaian akademik, manakala faktor pensyarah sahaja tidak mencukupi untuk menjamin prestasi yang cemerlang. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) memberi tumpuan kepada pementapan sikap dan motivasi pelajar ke arah pembelajaran sendiri yang lebih berkesan.

This study was conducted to identify the factors that influence students' achievement in the Mathematics course (SBM 10012) and to examine the relationship between students' interest, students' attitude, and lecturer-related factors with students' achievement in the course at Kolej Komuniti Bentong. The study employed a quantitative approach using a Likert-scale (1–5) questionnaire as the data collection instrument. The population of this study consisted of 58 students from the Certificate in Building Construction Technology and the Certificate in Electrical Technology

* Corresponding author.

E-mail address: norazlina.subani@usim.edu.my

<https://doi.org/10.37934/sijste.8.1.112>

Keywords:

Minat pelajar; sikap pelajar; pensyarah;
pencapaian; Matematik
Students' interest; students' attitude;
lecturer; achievement; Mathematics

programs who had taken the Mathematics course (SBM 10012) in the 2023/2024 Session 1, while the sample consisted of 52 students. The data obtained were analyzed using IBM SPSS Statistics 27 through descriptive statistical analysis and Pearson correlation analysis to address the study objectives. The findings revealed that students had a moderately high level of interest (mean = 3.51) and attitude (mean = 3.81) toward the mathematics course, while the lecturer factor was very high (mean = 4.31). Pearson correlation analysis showed that there was a moderate and significant relationship between students' interest ($r = -0.322$, $p < 0.05$) and students' attitude ($r = -0.392$, $p < 0.01$) with their achievement in the mathematics course. However, the lecturer factor did not show a significant relationship with students' achievement ($r = -0.079$, $p > 0.05$). These findings indicate that interest and attitude factors play an important role in academic achievement, whereas lecturer factors alone are insufficient to ensure excellent performance. The study suggests that teaching and learning (T&L) approaches should focus on strengthening students' attitudes and motivation toward more effective self-directed learning.

1. Pengenalan

Kursus Matematik merupakan salah satu kursus yang ditawarkan kepada pelajar semester 1 dalam program sijil di Kolej Komuniti yang memainkan peranan penting dalam membentuk pelajar yang berpengetahuan, mempunyai kefahaman yang jelas dan memiliki kemahiran digital dan numerasi yang baik. Namun, pencapaian pelajar dalam kursus ini masih menunjukkan ketidakkonsistenan yang memerlukan penyelidikan lebih lanjut. Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada tiga faktor yang mungkin mempengaruhi prestasi pelajar, iaitu faktor minat, faktor sikap dan faktor pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

1.1 Latar Belakang Kajian

Kolej Komuniti Bentong menawarkan kursus Matematik (SBM 10012) kepada pelajar dalam program teknikal seperti Program Teknologi Pembinaan Bangunan dan Program Teknologi Elektrik. Oleh sebab itu, kajian ini hanya berfokus kepada dua program bidang pengajian ini sahaja kerana didapati dalam beberapa semester, trend pencapaian menunjukkan wujudnya jurang pencapaian antara pelajar Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan (STPB) dan pelajar Sijil Teknologi Elektrik (SKE). Ini menimbulkan persoalan tentang pengaruh faktor dalaman dan luaran yang menyumbang kepada prestasi pelajar tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor berkenaan dengan lebih empirikal.

1.2 Pernyataan Masalah

Terdapat jurang perbezaan antara keputusan gred kursus Matematik bagi pelajar STPB dan SKE. Walaupun bilangan pelajar SKE lebih ramai berbanding STPB bagi setiap sesi kemasukan pengajian, pelajar STPB lebih cemerlang dalam kursus Matematik berbanding pelajar SKE. Masalah ini menjadi satu isu yang sering kali dibahaskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Kolej. Meskipun pelbagai pendekatan PdP telah diperkenalkan, masih terdapat pelajar yang gagal atau memperoleh keputusan sederhana dalam kursus tersebut. Terdapat andaian bahawa faktor seperti minat dan sikap pelajar terhadap kursus, serta pendekatan pensyarah dalam mengajar turut menyumbang kepada tahap pencapaian tersebut. Namun begitu, hubungan sebenar antara faktor-faktor ini dengan pencapaian pelajar masih belum dipastikan secara khusus terutama kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus Matematik di Kolej Komuniti Bentong.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus Matematik (SBM 10012) di Kolej Komuniti Bentong.
- ii. Mengkaji hubungan antara faktor minat, faktor sikap dan faktor pensyarah dengan keputusan pelajar dalam kursus Matematik (SBM 10012) di Kolej Komuniti Bentong.
- iii. Mencadangkan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus Matematik (SBM 10012) di Kolej Komuniti Bentong.

1.4 Skop dan Batasan Kajian


Kajian ini melibatkan pelajar dari program Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan dan Sijil Teknologi Elektrik yang mengambil kursus Matematik (SBM 10012) pada sesi I 2023/2024 di Kolej Komuniti Bentong. Kajian ini hanya tertumpu kepada tiga faktor utama iaitu minat, sikap dan peranan pensyarah. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi mengetahui adakah terdapat hubungan yang signifikan untuk setiap faktor-faktor tersebut dengan pencapaian kursus Matematik pelajar

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan ini akan memberi manfaat kepada pihak pengurusan Kolej Komuniti Bentong, pensyarah dan pelajar terutama dalam program pengajian STPB dan SKE dalam menambah baik pendekatan PdP dalam kursus Matematik. Di samping itu, dengan harapan kajian ini juga dapat menyumbang kepada penghasilan strategi pembelajaran berasaskan motivasi dan psikologi pendidikan dengan lebih berkesan.

2. Kajian Literatur

Dalam dunia pendidikan kini, Matematik merupakan salah satu matapelajaran yang wajib dipelajari di sekolah dan menjadi kursus wajib diambil bagi hampir semua jurusan di institusi pengajian tinggi, Nik Azis [10]. Bermula dari bangku sekolah kita telah diajar dengan pelbagai konsep asas Matematik seperti hasil tambah, hasil darab, pecahan dan sebagainya. Pengajaran yang berkesan amat penting untuk memastikan pelajar faham akan konsep Matematik itu sendiri kerana ia akan memberikan impak yang besar terhadap pembelajaran. Oleh sebab itu, menurut kajian Mohd. Yusof [9], pendidikan Matematik yang berkualiti adalah satu keperluan yang perlu dimulai sejak daripada awal proses pendidikan. Rajah 1 di bawah menunjukkan Model Pembelajaran Matematik daripada sumber kajian Ahmad Sabri dan Othman [1] yang menyatakan bahawa pembelajaran Matematik seharusnya mempunyai matlamat yang jelas, mudah difahami dan diterapkan dalam kehidupan seharian.



Rajah 1. Model pembelajaran Matematik

Selain itu, faktor minat pelajar juga merupakan pemangkin utama terhadap keterlibatan dalam pembelajaran. Kajian oleh Azizi Yahaya [2] menunjukkan pelajar yang berminat terhadap subjek cenderung menunjukkan prestasi yang lebih baik. Disamping itu, minat juga membentuk sikap yang lebih positif terhadap subjek dan meningkatkan motivasi sendiri. Wujudnya sikap positif terhadap subjek Matematik boleh meningkatkan keupayaan pelajar untuk menerima ilmu dengan lebih terbuka. Menurut Slavin [13], sikap pelajar terhadap subjek adalah pengukur utama pencapaian akademik, terutamanya dalam subjek berasaskan logik dan analisis seperti Matematik. Beberapa kajian terdahulu juga ada menunjukkan hubungan yang penting antara minat dan sikap pelajar dengan pencapaian dalam Matematik, Norasmah dan Majid [11]. Selain itu, peranan pensyarah juga amat penting sebagai fasilitator. Woolfolk (2014) menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran yang positif dipengaruhi oleh gaya komunikasi dan pedagogi pensyarah. Oleh itu, pendekatan pengajaran yang interaktif, empati terhadap pelajar dan penggunaan kaedah yang pelbagai mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

3. Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan edaran soal selidik yang diedarkan oleh penyelidik kepada pelajar-pelajar Program Teknologi Pembinaan Bangunan (STPB) dan Program Teknologi Elektrik (SKE) di Kolej Komuniti Bentong. Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengambil kursus Matematik (SBM 10012) di Kolej Komuniti Bentong bermula sesi I 2023/2024 iaitu seramai 58 orang dan sampel yang telah diambil adalah seramai 52 orang.

3.1 Instrumen Kajian

Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen bagi mendapatkan maklumat dan data. Soal selidik ini telah disediakan dalam bentuk *google form* dan dikongsikan kepada pelajar-pelajar Program Teknologi Pembinaan Bangunan (STPB) dan Program Teknologi Elektrik (SKE) menggunakan kumpulan telegram kelas masing-masing. Soal selidik ini menggunakan soalan daripada kajian Wan Muda (2017) yang telah diadaptasi daripada kajian Ab. Aziz (2008), Ismail (2008) dan Abdul Razak (2008). Set soalan ini juga telah diubahsuai dan disesuaikan dengan demografi responden iaitu jantina, program pengajian, semester pengajian dan keputusan Matematik untuk mengenalpasti faktor minat, faktor sikap dan faktor pensyarah di Kolej Komuniti Bentong. Set soal selidik terdiri dari dua bahagian iaitu bahagian A yang berkaitan dengan latar belakang responden (4 soalan) dan bahagian B yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian Matematik (21 soalan). Jumlah keseluruhan soalan yang perlu dijawab oleh responden adalah sebanyak 25 soalan.

Bagi memastikan kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini, satu kajian rintis telah dilaksanakan kepada 16 orang pelajar kolej yang telah mengambil kursus Matematik. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 27.0. Menurut Ghazali [5], soal selidik adalah boleh digunakan sekiranya mempunyai nilai alpha melebihi 0.70. Jadual 1 di bawah menunjukkan ujian Alpha Cronbach bagi setiap item soalan.

Jadual 1

Ujian Alpha Cronbach

	Bil. Item Soalan	Nilai Alpha Cronbach
Faktor minat (FM)	7	0.721
Faktor sikap (FS)	7	0.839
Faktor pensyarah (FP)	7	0.979

3.2 Kaedah Analisis Data

Maklum balas yang diperolehi daripada responden telah dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dengan mengambil kira nilai min bagi setiap item dalam soal selidik. Bagi tujuan penafsiran setiap faktor, kajian ini merujuk kepada pengelasan tahap seperti yang dicadangkan oleh Nunally dan Bernstein (1994) telah digunakan untuk menganalisis kajian seperti dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Jadual Interpretasi skor min

Interpretasi Tahap	Julat
Rendah	1.00 – 2.00
Sederhana rendah	2.01 – 3.00
Sederhana tinggi	3.01 – 4.00
Tinggi	4.01 – 5.00

Manakala bagi data kajian berkaitan hubungan pencapaian pelajar dalam kursus Matematik dengan setiap faktor pula, penyelidik menggunakan pekali korelasi Pearson. Oleh itu, bagi menentukan nilai dan hubungan antara setiap faktor dengan keputusan Matematik pelajar adalah dicadangkan menggunakan sumber daripada Ghazali dan Sufean [4]. Jadual 3 di bawah menunjukkan pekali korelasi antara dua pemboleh ubah.

Jadual 3

Nilai korelasi Pearson, r

Nilai korelasi	Hubungan
1.00	Sempurna
0.70 – 0.99	Sangat Kuat
0.50 – 0.69	Kuat
0.30 – 0.49	Sederhana
0.10 – 0.29	Lemah
0.01 – 0.19	Sangat Lemah

4. Keputusan dan Perbincangan


Analisis deskriptif telah dilaksanakan kepada 52 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar STPB dan SKE di Kolej Komuniti Bentong, Pahang. Jadual 4 di bawah menunjukkan demografi responden menggunakan analisis frekuensi di mana tiada sebarang kehilangan data dikesan pada setiap pemboleh ubah.

Jadual 4

Data responden

No	Demografi	Kategori	Frekuensi	%
1	Jantina	Lelaki	50	96.2
		Perempuan	2	3.8
2	Program Pengajian	STPB	16	30.8
		SKE	36	69.2
3	Semester	1	10	19.2
		2	5	9.6
		3	16	30.8
		4	21	40.4

Satu kaedah digunakan bagi melihat dengan lebih jelas taburan keputusan pelajar bagi kedua-dua program pengajian ini melalui ujian analisis tabulasi silang (*Crosstab*). Rajah 2 dibawah menunjukkan carta palang gred pencapaian pelajar dalam kursus Matematik dengan program pengajian (STBP dan SKE).



Rajah 2. Taburan keputusan pelajar dalam kursus Matematik (SBM 10012)

Secara keseluruhan, pelajar dari Program Sijil Teknologi Elektrik menunjukkan prestasi yang lebih pelbagai, merangkumi pelbagai gred daripada A+ hingga F. Bilangan tertinggi dalam kalangan pelajar program ini ialah gred A sebanyak 11 orang, diikuti gred B (8 orang) dan A- (4 orang). Walau bagaimanapun, terdapat juga pelajar yang memperoleh gred rendah seperti D+ (3 orang), C-, D, dan F (masing-masing 1 orang), yang menunjukkan wujudnya jurang prestasi yang agak ketara dalam kalangan pelajar program ini. Sebaliknya, pelajar dari Program Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan menunjukkan prestasi yang lebih tertumpu pada gred tinggi. Bilangan tertinggi direkodkan bagi gred A+ (8 orang), diikuti A (5 orang) dan A- (3 orang), manakala tiada pelajar dari program ini yang memperoleh gred di bawah B-. Analisis ini menunjukkan bahawa pelajar daripada Program Sijil Teknologi Pembinaan Bangunan cenderung untuk memperoleh keputusan yang lebih baik berbanding pelajar dari Program Sijil Teknologi Elektrik dalam kursus Matematik (SBM 10012). Analisis ini menyokong pernyataan masalah yang dibincangkan sebelum ini. Oleh itu, beberapa faktor seperti faktor minat, faktor sikap dan faktor pensyarah serta hubungan antara faktor-faktor tersebut dengan pencapaian pelajar dalam kursus Matematik perlu dikaji terlebih dahulu sebelum menjalankan kajian lanjutan.

4.1 Analisis Statistik Deskriptif bagi Faktor Minat (FM) Pelajar

Jadual 5 di bawah menunjukkan sejauh mana minat pelajar mempengaruhi keputusan kursus Matematik. Hasil analisis menunjukkan faktor minat pelajar terhadap kursus Matematik berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai purata keseluruhan ialah 3.51. Majoriti pelajar memberikan maklumbalas yang positif dalam menunjukkan kepuasan dalam menjawab soalan Matematik dengan betul (Min=4.12) iaitu item FM_S4. Hasil analisis ini selari dengan kajian Mazni [8] yang menyatakan bahawa pelajar bersungguh-sungguh dalam membuat kerja amali bagi mendapatkan markah yang baik. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa kepuasan peribadi semasa berjaya menjawab soalan Matematik merupakan pemangkin utama minat pelajar terhadap kursus tersebut. Sebaliknya, didapati minat pelajar dalam membuat latihan Matematik pada waktu lapang mencatatkan min paling rendah (Min=3.13) iaitu item FM_S7. Menurut kajian Wan Muda [15] menyatakan bahawa pelajar lebih cenderung untuk mengulang-kaji kursus lain berbanding membuat latihan Matematik pada waktu lapang.

Jadual 5
Faktor Minat (FM) Pelajar

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
FM_S1: Saya menyukai pelajaran Matematik sejak di sekolah rendah lagi.	3.40	0.823	Sederhana tinggi
FM_S2: Pencapaian pelajaran Matematik tidak mempengaruhi minat saya dalam kursus Matematik.	3.42	0.893	Sederhana tinggi
FM_S3: Saya bersemangat menghadiri kelas Matematik.	3.73	0.744	Sederhana tinggi
FM_S4: Saya berpuas hati apabila menjawab soalan Matematik dengan betul.	4.12	0.808	Tinggi
FM_S5: Saya suka membuat latihan Matematik.	3.62	0.932	Sederhana tinggi
FM_S6: Saya akan membuat latihan Matematik jika terdapat masa lapang.	3.17	1.061	Sederhana tinggi
FM_S7: Saya sering memenuhi masa lapang dengan membuat latihan Matematik walaupun tidak disuruh oleh pensyarah.	3.13	1.010	Sederhana tinggi
Purata	3.51	0.712	Sederhana tinggi

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar menunjukkan minat terhadap Matematik, minat ini lebih tertumpu kepada kepuasan dalam kejayaan akademik dan kurang terserlah dalam aspek pembelajaran sendiri secara berterusan. Dicadangkan supaya strategi pembelajaran boleh ditumpukan kepada memupuk minat jangka panjang dan konsisten melalui aktiviti berasaskan motivasi dalaman serta peningkatan kecekapan belajar secara sendiri.

4.2 Analisis Statistik Deskriptif bagi Faktor Sikap (FS) Pelajar

Berdasarkan Jadual 6 di bawah dapat diperhatikan bahawa item FS_S7 mencatatkan nilai skor min tertinggi (Min=4.02), iaitu *"Saya akan bertanya kepada pensyarah jika tidak memahami latihan/tugasan atau topik dalam kursus Matematik."* Ini menunjukkan bahawa pelajar bersikap proaktif dalam usaha memahami subjek dan tidak keberatan untuk mendapatkan bantuan apabila menghadapi kesukaran. Sementara itu, item FS_S3 memperoleh nilai skor min paling rendah

(Min=3.52), yang menunjukkan bahawa walaupun pelajar mempunyai sikap positif terhadap PdP, memahami pelajaran Matematik masih merupakan cabaran utama bagi sebahagian daripada mereka. Secara keseluruhannya, semua nilai min berada dalam julat anantara 3.50 hingga 4.00 di mana ia mencerminkan faktor sikap yang positif dan stabil dalam kalangan pelajar terhadap kursus tersebut.

Jadual 6
Faktor Sikap (FS) Pelajar

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
FS_S1: Saya memberikan perhatian semasa sesi pembelajaran.	4.00	0.767	Sederhana tinggi
FS_S2: Saya menulis formula semasa pembelajaran kursus Matematik.	3.81	0.841	Sederhana tinggi
FS_S3: Saya dapat memahami pelajaran Matematik dengan mudah.	3.52	0.896	Sederhana tinggi
FS_S4: Saya akan menulis nota ringkas semasa mengulangkaji kursus Matematik.	3.63	0.882	Sederhana tinggi
FS_S5: Saya sentiasa bersedia untuk hadir ke kelas Matematik.	3.94	0.802	Sederhana tinggi
FS_S6: Saya sentiasa duduk di hadapan semasa sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP) Matematik berlangsung.	3.75	0.860	Sederhana tinggi
FS_S7: Saya akan bertanya kepada pensyarah jika tidak memahami latihan/tugasan atau topik dalam kursus Matematik.	4.02	0.918	Tinggi
Purata	3.81	0.688	Sederhana tinggi

Dapatan ini menyokong pandangan bahawa sikap pelajar memainkan peranan penting dalam pembelajaran, terutamanya dari aspek kehadiran ke kelas, memberi perhatian, dan berkomunikasi dengan pensyarah. Menurut Doreen dan Shahlan [3], gaya pembelajaran seperti ini dapat mempengaruhi pencapaian pelajar kerana pelajar akan dapat memahami dengan lebih cepat. Walau bagaimanapun, untuk meningkatkan pemahaman dan pencapaian pelajar secara menyeluruh, dicadangkan pendekatan PdP yang lebih interaktif dan berfokus kepada pelajar mungkin diperlukan.

4.3 Analisis Statistik Deskriptif bagi Faktor Pensyarah (FP)

Jadual 7 di bawah menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap pensyarah adalah sangat positif secara keseluruhan dengan nilai purata min keseluruhan sebanyak 4.31 iaitu pada tahap yang tinggi berbanding faktor-faktor yang lain.

Jadual 7

Faktor Pensyarah (FP)

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
FP_S1: Pensyarah saya sentiasa menghulurkan bantuan kepada saya dalam menyelesaikan masalah Matematik	4.38	0.820	Tinggi
FP_S2: Pensyarah membuat persediaan awal dan rapi sebelum memulakan sesi pembelajaran dan pengajaran.	4.31	0.805	Tinggi
FP_S3: Pensyarah bersikap profesional semasa proses pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas.	4.40	0.823	Tinggi
FP_S4: Pensyarah mahir dengan kursus yang diajar	4.38	0.867	Tinggi
FP_S5: Penyampaian pensyarah jelas dan mudah untuk difahami	4.19	0.864	Tinggi
FP_S6: Pensyarah memberi latihan sesuai dengan kebolehan saya	4.31	0.781	Tinggi
FP_S7: Pensyarah mengajar secara kreatif untuk menarik minat pelajar	4.19	0.793	Tinggi
Purata	4.31	0.754	Tinggi

Daripada analisis ini, dapat diperhatikan bahawa item FP_S3 mencatatkan nilai min tertinggi (Min=4.40). Ini menunjukkan bahawa pelajar sangat menghargai sikap profesionalisme pensyarah sepanjang proses PdP. Sekaligus menggambarkan bahawa etika kerja dan penyampaian yang teratur daripada pensyarah mempunyai kesan positif terhadap persepsi pelajar. Bagi item FP_S5 dan FP_S7 mencatatkan nilai min terendah iaitu sebanyak 4.19. Walaupun nilai min ini tinggi, pensyarah perlu sentiasa menambahbaik dalam aspek penyampaian PdP supaya lebih jelas dan lebih kreativiti dalam menarik minat pelajar. Secara keseluruhannya, semua nilai min bagi setiap item melebihi 4.00 di mana ia memberikan petunjuk bahawa tahap kepuasan pelajar terhadap pengajaran pensyarah adalah sangat tinggi. Kajian Halimatus [6] juga ada menyatakan bahawa faktor PdP pensyarah paling banyak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Pandangan yang hampir seragam dalam kalangan responden terhadap kualiti pengajaran pensyarah boleh dilihat pada nilai sisihan piawai yang sederhana dan konsisten.

4.4 Analisis Korelasi diantara FM, FS, FP dengan Keputusan Pelajar

Secara keseluruhannya, hubungan antara ketiga-tiga faktor iaitu FM, FS dan FP dengan keputusan kursus Matematik pelajar, hanya faktor minat, (FM) ($r=-0.322$, $p<0.05$) dan faktor sikap, (FS) ($r=-0.392$, $p<0.01$) pelajar sahaja yang menunjukkan hubungan negatif yang signifikan secara statistik, manakala faktor pensyarah, (FP) ($r=-0.079$, $p>0.05$) tidak menunjukkan hubungan yang penting. Jadual 8 di bawah menunjukkan nilai korelasi di antara ketiga-tiga faktor tersebut dengan keputusan pelajar.

Jadual 8

Analisis kolerasi diantara FM, FS, FP dengan keputusan pelajar

Pemboleh Ubah		Keputusan pelajar	Faktor Minat	Faktor Sikap	Faktor Pensyarah
Keputusan pelajar	Pearson Correlation	1.00	-.322*	-.392**	-.079
	Sig. (2-tailed)		0.020	0.004	0.578
	N		52	52	52
Faktor Minat (FM)	Pearson Correlation	-.322*	1.00		
	Sig. (2-tailed)	0.020		-	-
	N	52			
Faktor Sikap (FS)	Pearson Correlation	-.392**		1.00	
	Sig. (2-tailed)	0.004	-		-
	N	52			
Faktor Pensyarah (FP)	Pearson Correlation	-.079			1.00
	Sig. (2-tailed)	0.578	-	-	
	N	52			

Menurut Ghazali dan Sufean [4], nilai korelasi -0.3 hingga -0.49 menunjukkan hubungan sederhana. Dalam hal ini, hubungan negatif yang ditemui bagi faktor minat, ($r=-0.322$, $p<0.05$) dan faktor sikap ($r=-0.392$, $p<0.01$) mungkin menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai minat dan sikap pada tahap yang baik tidak semestinya memperoleh keputusan yang tinggi. Hasil dapatan ini bertentangan dengan kajian Mazni [8] yang menunjukkan faktor sikap mempengaruhi pencapaian pelajar di mana sekiranya sikap pelajar berada tahap yang baik maka pencapaian pelajar juga akan tinggi begitu juga sebaliknya. Hubungan negatif ini berkemungkinan disebabkan beberapa faktor yang lain seperti strategi pembelajaran yang kurang efektif, tekanan peperiksaan, atau masalah pengurusan masa. Bagi faktor pensyarah pula, dapatan menunjukkan bahawa kualiti pengajaran semata-mata tidak mempunyai hubungan langsung yang penting dengan pencapaian pelajar. Dengan kata lain, faktor pensyarah tidak menjamin pencapaian akademik yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa tanggungjawab pembelajaran masih terletak pada pelajar itu sendiri, walaupun pengajaran berkualiti telah diberikan dan pelajar mungkin dipengaruhi oleh faktor lain seperti persekitaran, strategi belajar, motivasi, atau kesediaan diri.

4.5 Analisis Kenormalan Data

Sebelum ujian korelasi Pearson dijalankan, soal selidik bagi setiap faktor ini diuji kenormalannya samaada ia bertaburan secara normal atau tidak. Tujuan ujian ini dilakukan adalah bagi membolehkan ujian parametrik kolerasi Pearson digunakan dalam kajian ini..

Jadual 9

Analisis kenormalan data (*Skewness dan Kurtosis*)

Pemboleh Ubah	Skewness	Kurtosis
Faktor Minat (FM)	0.106	-0.510
Faktor Sikap (FS)	-0.417	0.178
Faktor Pensyarah (FP)	-1.066	0.496

Jadual 9 menunjukkan hasil ujian normaliti bagi faktor minat, faktor sikap dan faktor pensyarah. Bagi faktor minat dan faktor sikap, data adalah bertaburan secara normal manakala bagi faktor

pensyarah, nilai *skewness* (-1.066) berada sedikit di luar julat, menunjukkan kecondongan negatif yang sederhana. Namun, ia masih dianggap boleh diterima untuk analisis parametrik bergantung kepada saiz sampel dan konteks kajian. Nilai kurtosis masih dalam julat normal.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa faktor minat (FM) dan faktor sikap (FS) pelajar terhadap kursus Matematik (SBM 10012) di Kolej Komuniti Bentong adalah pada tahap sederhana tinggi, manakala faktor pensyarah (FP) adalah sangat tinggi. Selain itu, hanya minat dan sikap pelajar sahaja yang mempunyai hubungan yang penting dengan pencapaian kursus Matematik, walaupun arah hubungan adalah negatif dan sederhana manakala faktor pensyarah tidak menunjukkan hubungan yang penting dengan pencapaian pelajar, walaupun skor min persepsi terhadap pensyarah adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa minat dan sikap pelajar memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi keputusan kursus Matematik mereka. Kajian ini memberi gambaran jelas bahawa usaha peningkatan pencapaian pelajar dalam kursus Matematik (SBM 10012) perlu berfokus kepada pembangunan sikap dan minat pelajar. Strategi pembelajaran sendiri dan pengurusan masa perlu diberi perhatian dalam kalangan pelajar bagi memastikan minat dan sikap positif mereka terhadap kursus Matematik dapat diterjemahkan kepada pencapaian akademik yang tinggi. Selain itu, adalah disarankan kepada pensyarah kursus meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran bagi meningkatkan kualiti pembelajaran Matematik di Kolej Komuniti Bentong. Langkah penambahbaikan perlu digerakkan bagi memastikan pelajar mendapat manfaat optimum daripada kursus Matematik ini.

Rujukan

- [1] Sabri, Safura Ahmad, and Norziah Othman. "Matematik Dan Diseminasi Ilmu: Tinjauan Persepsi Pelajar Pengurusan." In *Proceeding of the 1st International Conference on Management and Muamalah*. 2014.
- [2] Azizi Yahaya, et al. (2010). *Psikologi pendidikan*. PTS Publications.
- [3] Chzin, Doreen Ting Jia, and Shahlan Surat. "Sorotan literatur bersistematik: Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik pelajar." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6, no. 12 (2021): 137-157.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1210>
- [4] Ghazali Darulsalam, S. H. "Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian." *Kuala Lumpur: University Of Malaya Publication* (2016).
- [5] Kertonegoro, S. "Amstrong, K. dan.(2001). Prinsip-Prinsip Pemasaran. Fandy, Tjiptono, PD (2015). Strategi pemasaran. In Edisi Salemba Empat, Penerbit Andi. Yogyakarta. Ghozali, I.(2011). Aplikasi Analisis Multivariate dengan Program IMB SPSS 19 (Edisi Keli). Badan Penerbit Universitas Diponegoro (BPUD)."
- [6] Kariya, Halimatus Saadiah. "Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak." *Jurnal Dunia Pendidikan* 2, no. 4 (2020): 9-18.
<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- [7] Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- [8] Mazni, Nur Maisya. "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Kursus Digital Electronics." *International Journal of Advanced Research in Education and Society* 5, no. 4 (2023): 151-165.
<https://doi.org/10.55057/jiares.2023.5.4.14>
- [9] Yusof, Yusminah Mohd. "Pengajaran dan Pengintegrasian komponen Pengetahuan Pedagogikal Isi Kandungan (PCK) Guru Dalam Algebra." (2012).
- [10] Pa, Azis Nik." *Isu-isu kritikal dalam pendidikan matematik*. Penerbit Universiti Malaya." (2008).
- [11] Norasmah, O., & Mohd Majid, K. " *Asas penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. McGraw-Hill." (2009).
- [12] Ramli, Suhana, and I. N. D. Azis. "Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus Matematik kejuruteraan 2 (DBM 2013) Di Politeknik Mukah." *Technology and Innovation (TECHON)* 2016 (2016).
- [13] Slavin, Robert E. "Educational psychology: Theory and practice." (2012).

- [14] Van Dalen, D. P. *"Memahami penyelidikan pendidikan (A. F. Abdul Malik & M. M. Konting, Penterj.). Penerbit Universiti Pertanian Malaysia."* (1993).
- [15] Wan Muda, Wan Hanim Nadrah, and Muhd Azuanafzah Azmi. "Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam matematik di FPTV UTHM." (2017).